



**GARISPANDUAN PERMOHONAN PERMIT MELETAK KERUSI DAN MEJA DI LUAR
PREMIS MAKANAN DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
(PINDAAN 2026)**

1. Tujuan:

Garis panduan ini disediakan sebagai penambahbaikan panduan dalam pengurusan Permohonan Permit Meletak Kerusi dan Meja Di Luar Premis Makanan Di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Pindaan 2026).

2. Peraturan dan Syarat:

Semua pemohon perlu mematuhi peraturan dan syarat seperti berikut:-

Bil	Perkara	Peraturan dan Syarat
2.1	Lokasi	<p>Hanya dibenarkan di:-</p> <p>(i) Dibenarkan di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang bagi premis makanan yang mempunyai kaki lima (5 footway) beserta siar kaki berasingan berukuran minimum 1.2 meter (4').</p> <div style="text-align: center;"> <p>Rajah 1</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p>Rajah 2</p> </div>

Bil	Perkara	Peraturan dan Syarat
2.2	Waktu Operasi	(i) Mengikut kepada ketetapan masa yang dipohon pemegang lesen dan maksimum 8 jam sahaja serta tertakluk kepada ulasan Jabatan Teknikal. (ii) Selepas tempoh masa yang dibenarkan perletakan kerusi dan meja di luar premis, pelesen dikehendaki menyimpan semula kerusi dan meja di dalam premis.
2.3	Tempoh permit	Setahun sekali mengikut tempoh tamat lesen Majlis.
2.4	Bilangan meja	Maksimum 10 meja serta kerusi mengikut keluasan tempat dan tapak. Saiz meja tidak melebihi (3'x2') atau (2'x2') bagi meja segi empat atau 2 kaki diameter bagi meja bulat.
2.5	Bayaran lesen/permit	RM 30.00 bagi setiap satu meja sebulan. (Pembayaran kadar dan pembaharuan permit secara tahunan)
2.6	Perlindungan Insuran	<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang Lesen hendaklah mengambil insuran tanggungan awam untuk amaun perlindungan sejumlah RM 500,000.00 atas nama bersama Pemegang lesen dan Majlis. • Pemilik restoran bertanggungjawab sepenuhnya di atas apa-apa kejadian, kemalangan atau tuntutan berkaitan dengan aktiviti meletak kerusi dan meja diluar premis.
2.7	Larangan	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada struktur lain dibenarkan • Tidak dibenarkan meletak kerusi dan meja di atas jalan, bahu jalan, atau tempat meletak kenderaan. • Tiada struktur menutup longkang • Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mencuci alat perniagaan • Tidak dibenarkan meletak gerai disiar kaki. • Tidak dibenarkan meletak kerusi dan meja di premis bersebelahan.

Bil	Perkara	Peraturan dan Syarat
2.8	Syarat-Syarat Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Permit boleh dibatalkan dengan serta-merta jika terdapat aduan. • Menjaga kebersihan di sekitar kawasan semasa dan selepas aktiviti perniagaan. • Mengalih dan menyimpan kerusi dan meja dengan tersusun dan tidak menyebabkan halangan. • Mematuhi had bilangan meja yang diluluskan. • Mematuhi syarat-syarat pelesenan premis makanan dan pengendalian makanan Majlis. • Sediakan satu laluan pejalan kaki yang tidak dihalang sekurang-kurangnya 2 kaki selepas penyusunan kerusi dan meja di luar premis. • Mempamerkan permit yang diluluskan berukuran A4 di tempat yang mudah dilihat. (contoh dilampiran) • Had perletakan kerusi meja hanya di kawasan perniagaan premis yang dilesenkan.
2.9	Aspek keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis mensyaratkan pengusaha premis makanan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan yang munasabah.
2.10	Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan boleh dibuat menggunakan borang Permohonan Permit Meletak Kerusi dan Meja yang boleh didapati di Pejabat Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang. • Pengusaha dilarang meletak kerusi dan meja tanpa kebenaran/kelulusan Majlis.

3. Dokumen yang diperlukan:

Semua permohonan untuk mendapatkan permit ini perlu mengemukakan dokumen berikut:-

Bil	Dokumen	Kategori Dokumen
3.1	Borang permohonan yang lengkap	Wajib
3.2	Lesen perniagaan dari MBPP yang sah	Wajib
3.3	Surat persetujuan jiran	Jika berkaitan

Bil	Dokumen	Kategori Dokumen
3.4	Surat kebenaran Pihak Pengurusan (JMB) bagi kawasan yang mempunyai badan pengurusan bersama	Jika berkaitan
3.5	Gambar lokasi cadangan peletakan kerusi dan meja	Wajib
3.6	Gambar premis perniagaan <ul style="list-style-type: none"> • Pandangan sisi, hadapan premis dan siar kaki 	Wajib

4. Tarikh kuatkuasa:

Tarikh kuatkuasa garis panduan ini adalah mulai **1 April 2026**.

Disediakan oleh:-
Jabatan Pelesenan
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Tarikh : 05 Mac 2026